

**NO. SOALAN : 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8617**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah kerajaan bagi memastikan lebih 4.5 juta daripada 6.7 juta pekerja asing di negara yang masih belum mempunyai permit pekerjaan kerana memasuki negara ini secara haram di pelbagai sektor pekerjaan mendapat permit pekerjaan sewajarnya dan seterusnya membolehkan kerajaan mengutip levi pekerja asing sebagaimana yang dikenakan ke atas 2.1 juta pekerja asing yang mempunyai permit masa kini dan setakat manakah penstrukturkan semula sistem levi pekerja asing yang diperkenalkan baru-baru ini dapat meningkatkan pendapatan negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Program Penggajian dan Penempatan Semula Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program *Rehiring* telah dilaksanakan secara atas talian bermula pada 15 Februari 2016 bagi PATI dari 15 negara sumber sedia ada.**

**Program *Rehiring* merupakan salah satu inisiatif bagi membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja.**

**Bagi tempoh 15 Februari 2016 hingga 10 Mac 2016 sejumlah 15,822 orang PATI telah didaftarkan di bawah Program *Rehiring* meliputi 9,738 orang PATI warganegara Indonesia, 3,808 PATI warganegara Bangladesh, 425 orang PATI warganegara Myanmar dan 1,851 orang PATI lain-lain warganegara.**

**Untuk makluman juga, Kerajaan berhasrat untuk memperkemaskan sistem pengurusan pekerja asing sedia ada dengan kadar levi diklusterkan kepada dua kategori. Kerajaan berpendapat bahawa terdapat keperluan**

**untuk memperkemaskan sistem pengurusan pekerja asing. Pekerja asing pada ketika ini dikenakan bayaran levi mengikut sektor berbeza-beza.**

**Bayaran levi yang berbeza-beza ini bukan sahaja mengelirukan majikan malah turut mendorong pekerja asing melanggari syarat imigresen semata-mata untuk berkerja di dalam sektor yang mengenakan bayaran levi yang lebih murah. Oleh yang demikian, satu sistem levi yang lebih efisyen diperlukan bagi menggantikan sistem levi sedia ada.**

**Sehubungan itu, kadar levi akan diselaraskan mengikut kategori di mana kategori satu terdiri daripada sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Manakala, kategori kedua terdiri daripada sektor perladangan dan pertanian.**

**Pihak Kerajaan telah melaksanakan sesi *engagement* dengan wakil-wakil industri dan telah mendapatkan maklumbalas terhadap cadangan Kerajaan untuk menentukan kadar levi yang bersesuaian.**

**Kadar levi baru yang telah ditetapkan oleh Kerajaan telah mengambil kira maklumbalas yang diberikan oleh industri dan kadar ini tidak akan membebankan dan tidak menjelaskan momentum industri.**

**Selain itu, penstrukturran kategori levi juga merupakan komitmen Kerajaan untuk sentiasa menambah baik pengurusan pekerja asing di samping menggalakkan industri berintensifkan buruh untuk beralih ke arah industri berdasarkan automasi dan mekanisasi. Peralihan ini dijangka meningkatkan produktiviti serta meningkatkan daya saing industri.**